

Waktu operasi pondok bayaran letak kereta MPK diubah

Waktu operasi pondok bayaran letak kereta Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) diubah kepada jam 8.30 pagi hingga jam 4.30 petang pada Isnin hingga Jumaat sepanjang Ramadan.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, bagaimanapun waktu rehat pada Isnin hingga Khamis dari jam 1 tengah hari hingga jam 1.30 petang, manakala Jumaat pula dari jam 12.30 tengah hari hingga jam 2.30 petang.

Katanya, bagi pondok terkawal Teluk Chempedak, ia mula beroperasi dari jam 8 pagi hingga jam 12 tengah malam setiap hari dan waktu rehat dari jam 6.30 petang hingga jam 8 malam.

“Oleh itu, orang ramai khususnya pemilik kenderaan yang ingin membeli kupon parkir atau berurusan di pondok bayaran perlu prihatin dengan jadual baru itu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

06/06/2017
Harian Metro